

AKTA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
1965

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
(PERLESENAN PENGEKSPORTAN BUAH-BUAHAN) 1990

*Akta 141*

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 3 dan 12 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965, Lembaga dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berikut :

*Nama dan pemakaian.*

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pelesenan Pengeksportan Buah-buahan) 1990.

(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah dipakai di seluruh Malaysia.

(3) Lembaga dengan kelulusan Menteri, boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* mengecualikan mana-mana negeri atau sesuatu bahagian daripada negeri dari pemakaian mana-mana atau semua peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan ini.

*Tafsiran.  
[Pin./P.U.(A)  
261/94]*

2. Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

"buah-buahan" ertinya buah-buahan segar yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan hendaklah termasuk buah-buahan yang disejukkan;

"eksport" ertinya membawa keluar atau menyebabkan dibawa dari Malaysia apa-apa buah-buahan melalui darat, laut atau udara, di dalam kenderaan, vesel atau pesawat udara, bagi maksud-maksud dagangan;

"hari kerja" ertinya hari kerja yang ditentukan dan ditetapkan oleh Lembaga ;

"Lembaga" ertinya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ;

"lesen" ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-peraturan ini;

"masa kerja" ertinya masa kerja yang ditentukan dan ditetapkan oleh Lembaga;

"orang" termasuklah orang perseorangan, mana-mana perbadanan, badan berkanun, syarikat kerjasama, perkongsian, persatuan dan mana-mana kumpulan orang - lain; sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan.

*Peraturan*

3. Tiada seseorang boleh mengekspor apa-apa buah-buahan melainkan jika dia dilesenkan oleh Lembaga di bawah Peraturan-peraturan ini.

*Pernohonan dan syarat-syarat lesen (P.U. (A) 89/95)*

4. (1) Sesuatu permohonan untuk satu lesen yang disebut dalam peraturan 3 atau untuk pembaharuannya hendaklah dibuat dalam borang tertentu sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh memberi atau memperbaharui sesuatu lesen dalam borang sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Sesuatu lesen yang dikeluarkan atau diperbaharui di bawah subperaturan (1) bolehlah tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang boleh dikenakan oleh Lembaga.

(4) Tanpa menyentuh kepada peruntukan-peruntukan dibawah subperaturan (3), peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah dipakai bagi tiap-tiap lesen yang dikeluarkan atau diperbaharui seperti tersebut di atas - -

(a) setiap lesen hendaklah tamat satu tahun dari tarikh ianya dikeluarkan atau diperbaharui; dan

(b) bayaran yang kena dibayar kepada sesuatu pemberian atau pembaharuan sesuatu lesen hendaklah seratus ringgit.

(5) Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-peraturan ini tidak boleh dipindahmilikkan.

*Memperingkatkan mengepek, melabel dan eksport buah-buahan. (P.U. (A) 89/95)*

5. (1) Tiada apa-apa buah-buahan boleh diekspor melainkan selepas diperingkatkan mutu, dipek, dilabel dan dimeteraikan mengikut suatu cara seperti yang ditetapkan oleh Lembaga dan, Lembaga hendaklah, mengenai mana-mana buah-buahan yang telah diperingkatkan mutu, dipek, dilabel dan dimeterai seperti tersebut di atas, mengeluarkan suatu perakuan atau perakuan-perakuan memperakui hal yang sedemikian itu.

(2) Perakuan atau perakuan-perakuan yang dikeluarkan oleh Lembaga hendaklah dalam borang seperti yang ditetapkan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

(3) Lembaga boleh dari semasa ke semasa menentukan cara membeli, menjual, mengendali, merawat, menyimpan dan pengangkutan buah-buahan untuk eksport dan boleh menolak untuk mengeluarkan perakuan atau perakuan-perakuan bagi buah-buahan yang tidak dibeli, dijual, dikendali, di rawat, disimpan atau diangkut dalam cara seperti ditentukan.

(4) Lembaga boleh menentukan tempat, masa dan cara pemeriksaan yang diperlukan sebelum perakuan atau perakuan-perakuan berhubung dengan mana-mana buah-buahan untuk di eksport dan buah-buahan tersebut hendaklah dikemukakan untuk pemeriksaan di tempat dan masa dan dengan cara seperti yang ditentukan.

(5) Jika Lembaga mendapati bahawa mana-mana buah-buahan yang dikemukakan kepadanya bagi maksud mengeluarkan suatu perakuan di bawah subperaturan (1) tidak layak untuk dikeluarkan perakuan itu, ia boleh menghendaki orang yang telah mengemukakan buah-buahan itu supaya memindahkan buah-buahan itu dari sesuatu tempat dalam sesuatu masa seperti yang ditentukan oleh Lembaga, dan sekiranya dia gagal memindahkan buah-buahan itu dalam masa seperti yang ditentukan itu, Lembaga boleh memusnahkan buah-buahan itu dan semua perbelanjaan yang ditanggung hendaklah dibiayai oleh orang itu.

(6) Fee yang akan dikenakan untuk pemeriksaan penggredan dan pengeluaran apa-apa perakuan hendaklah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

*Pembatalan lesen.*

6. (1) Jika ternyata kepada Lembaga bahawa seseorang yang dilesen di bawah Peraturan-peraturan ini telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana terma-terma atau syarat-syarat atau sekatan-sekatan yang dikenakan berhubung dengan lesen yang telah dikeluarkan kepadanya di bawah Peraturan-peraturan ini, Lembaga boleh meminta seseorang itu menunjukkan sebab mengapa lesen yang dipegang olehnya tidak patut dibatalkan.

(2) Seseorang yang diminta menunjukkan sebab di bawah subperaturan (1) —

(a) hendaklah dibekalkan oleh Lembaga dengan butir-butir secara bertulis mengenai pelanggaran atau perkara-perkara yang tidak dipatuhi yang telah diadakan; dan

(b) boleh, jika dia menghendaki sedemikian, hadir sendiri atau diwakili oleh seseorang yang diberikuasa secara bertulis olehnya dalam sesuatu pembicaraan di hadapan Lembaga.

(3) Jika, selepas pembicaraan itu, Lembaga berpendapat bahawa orang yang diminta menunjukkan sebab itu telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-peraturan ini atau melanggar mana-mana terma-terma, syarat-syarat atau sekatan-sekatan mengenai lesen yang telah dikeluarkan kepadanya, Lembaga bolehlah membatalkan lesen itu.

(4) Lembaga, selepas meminta seseorang pemegang lesen menunjukkan sebab menurut subperaturan(1) atau pada bila-bila masa kemudian dan sementara menunggu keputusan mengenai pembatalan lesen atau selainnya, bolehlah menggantung lesen itu.

*Kesalahan*

7. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara untuk suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau kesua-duanya.

*Pindaan kepada  
Jadual.*

8. Lembaga dengan kelulusan Menteri boleh melalui perintah, meminda, mengubah, membuang dari dan menambah kepada Jadual Pertama.

JADUAL PERTAMA

(Peraturan 2)

*Nama Biasa*

Belimbing Besi (Starfruit)

Betik Eksotika

*Nama Saintifik*

(Averrhoa Carambola) [Pin. P.U. (A) 566/92]

Carica Papaya L. Var. Eksotika

**JADUAL KETIGA**  
(Subperaturan 5(6))

Fee yang akan dikenakan untuk pemeriksaan, penggredan dan pengeluaran suatu perakuan untuk Belimbing Besi (Larumbola)

- |    |   |                               |
|----|---|-------------------------------|
| 1. | (a) Jika notis diberikan kepada Lembaga tidak kurang daripada (2) hari kerja oleh pengeksport.  | RM0.03<br>setiap<br>kilogram  |
|    | (b) Jika notis diberikan kepada Lembaga kurang daripada dua (2) hari kerja oleh pengeksport.  | RM0.045<br>setiap<br>kilogram |
| 2. | Jika pemeriksaan dan penggredan dibuat selepas masa kerja, fee tambahan sebanyak RM5.00 untuk setiap jam atau sebahagian daripadanya untuk setiap kakitangan akan dikenakan oleh Lembaga. |                               |
| 3. | Jika pemeriksaan dan penggredan dibuat lebih daripada dua kali bagi konsainan tertentu, fee tambahan sebanyak RM50.00 akan dikenakan oleh Lembaga bagi setiap pemeriksaan dan penggredan. |                               |